

**NO. SOALAN : 44**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN**  
**DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN :** **LISAN**

**DARIPADA :** **Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh  
[PUTATAN]**

**TARIKH :** **4 NOVEMBER 2015 (RABU)**

**SOALAN :**

**Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan bilakah pihak Kerajaan akan mengambil tindakan terhadap Wall Street Journal atas dakwaan berkaitan 1MDB dan pendedahan RM2.6 billion yang masuk ke akaun peribadi Perdana Menteri.

**JAWAPAN:      YB DATO' SRI AZALINA BINTI DATO' OTHMAN SAID**  
**MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pertanyaan ini akan di jawab secara serentak bersama dengan pertanyaan-pertanyaan lain yang mempunyai maksud yang sama pada tarikh yang akan ditetapkan kemudian dalam persidangan kali ini juga.

Sekian. Terima kasih.

**NO. SOALAN : 45**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YB. DATO' HAJI ZAINUDIN BIN ISMAIL  
[ JELEBU ]**

**TARIKH : 4 NOVEMBER 2015**

**SOALAN :**

**YB. Dato' Haji Zainudin bin Ismail [ Jelebu ] minta MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN menyatakan jumlah kedatangan pelancong asing ke negara ini dan jumlah tukaran asing yang dijana semasa kejatuhan nilai ringgit pada tahun 2014 berbanding dalam tempoh yang sama sebelum kejatuhan nilai ringgit pada tahun-tahun sebelumnya.**

**JAWAPAN : DATO' SERI MOHAMED NAZRI BIN ABDUL AZIZ**  
**MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN**

Tuan Yang di-Pertua,

Bagi tempoh Januari hingga Jun 2015, Malaysia telah menerima seramai **12.5 juta** orang pelancong asing iaitu penurunan sebanyak **9.4 peratus** berbanding dengan tempoh yang sama pada tahun 2014 iaitu seramai **13.8 juta** orang pelancong asing. Jumlah pendapatan pelancong bagi bulan Januari hingga Jun 2015 adalah sebanyak RM33.8 bilion dengan penurunan sebanyak 4.3% berbanding RM35.3 bilion bagi tempoh yang sama 2014.

Ketibaan Pelancong Asing ke Malaysia bagi tahun 2014 adalah seramai **27,437,315 orang**. Jumlah ini merupakan peningkatan seramai **1,721,855** orang atau peningkatan **6.7%** berbanding **25,715,460** orang pada tahun 2013. Di samping itu, jumlah pendapatan pelancong asing turut meningkat daripada RM65.4 bilion pada tahun 2013 kepada **RM72 bilion** pada tahun 2014. Jumlah ini meningkat sebanyak **RM6.6 bilion** atau pertumbuhan sebanyak **10%**.

Sekian, terima kasih.